

# Ikan 'asing' ancaman hidupan sungai kita

BH 29/10/23 M/S 1

Beberapa sungai utama di negara ini, terutama di Pahang, Selangor dan Perak dikesan menjadi habitat ikan pemangsa (invasif) hingga mula mengancam populasi ikan tempatan. Ikan spesies asing ini asalnya dibawa masuk bagi tujuan hobi atau dibela dalam akuarium, namun dilepaskan pihak tidak bertanggungjawab ke dalam sungai selepas tidak lagi mahu membelanya.

Oleh Latifah Arifin → Nasional 8, 9

**Eksklusif**



# Sungai utama negara jadi habitat ikan pemangsa asing

BH 29/10/23 M/S 8

Spesies dibela dalam akuarium kemudian dilepas sekali gus ancam populasi tempatan

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Putrajaya:** Beberapa sungai utama negara ini, terutama di Pahang, Selangor dan Perak kini dikesan menjadi habitat ikan pemangsa (invasif) hingga mula mengancam populasi ikan tempatan yang selama ini mendiami saluran itu, berikutan keupayaannya membiak dan membesar dengan cepat.

Ikan invasif atau spesies asing ini asalnya dibawa masuk bagi tujuan hobi atau dibela dalam akuarium, namun kemudian dilepaskan pihak tidak bertanggungjawab ke sistem saluran tempatan apabila tidak lagi mampu mengendalikannya.

Ketika ini, Jabatan Perikanan (DOF) menyifatkan, ancaman ikan invasif itu masih terkawal kerana kehadirannya belum mencapai tahap menyebabkan nelayan darat tidak dapat menangkap ikan asal yang mendiami sungai-sungai berkenaan.

Laporan mengenai keberadaan ikan invasif paling banyak direkodkan di sekitar Sungai Pahang dan Sungai Perak.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain, berkata pihaknya baru-baru ini menerima laporan mengenai kehadiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang dan Sungai Perak.

"Ia berdasarkan laporan dari nelayan darat yang memaklumkan kepada Jabatan Perikanan. Namun, jumlahnya tidaklah terlalu banyak sampai tiada lagi ikan asli.

"Selain itu, Empangan Timah Tasoh di Perlis turut dilaporkan ada spesies ikan asing jenis peacock bass atau ikan raja. Namun, tidaklah bermakna dipenuhi ikan itu sahaja, masih ada spesies ikan lain di empangan itu," katanya kepada BH.

Baung ekor merah berasal dari Sungai Mekong, Vietnam dan mampu membesar sehingga berat maksimum 80 kilogram. Ia adalah spesies ikan keli terbesar di Asia dan sejenis ikan air tawar kategori 'pemangsa agresif dan makan hampir semua jenis ikan di habitatnya.

Adnan berkata, kajian terkini

Spesies asing **baung ekor merah**  
Nama Saintifik: *Hemibagrus wyckiioides*

Mudah dikenali dengan sirip dan ekor berwarna merah



Berasal dari lembangan Sungai Mekong, dilaporkan di Chao Phraya, Mae Klong dan sungai-sungai di Semenanjung Thailand.

Spesies karnivor yang mengancam spesies ikan asli kerana bersifat agresif serta memakan serangga, ikan, udang, invertebrata lain.

**Eksklusif**

terhadap ikan invasif yang dijalankan jabatannya pada Ogos lalu, menemui spesies ikan tempatan, termasuk udang galah dalam perut ikan baung ekor merah yang ditangkap di Sungai Selangor.

"Ketika ini, DOF tiada data tepat mengenai ikan asing paling dominan dan di perairan mana negara ini.

"Ada kajian inventori dijalankan penyelidik dan kakitangan DOF, tetapi ia spesifik kepada lokasi tertentu. Ia membabitkan kos yang besar untuk buat kajian serentak di seluruh negara.

"Jadi kita buat kajian stok inventori di Sungai Semantan, sungai ini juga besar panjangnya

dari Bentong sampai ke Temerloh. Biasanya kajian ini dibuat setiap lima hingga 10 tahun untuk lihat balik adakah spesies (ikan asing) masih ada dan boleh dijumpai dengan mudah.

"Sebagai contoh, kajian kita di Tasik Chini mendapati sesuatu spesies ikan (asing ini) masih banyak selepas tempoh lima tahun dan dominan," katanya yang turut memberitahu, maklumat daripada nelayan darat banyak membantu mengenal pasti kawasan perairan terjejas akibat ke-masukan ikan invasif,

**Pelepasan benih ikan tempatan ke perairan**

Mengulas lanjut, beliau berkata, inisiatif tahunan bagi memastikan keseimbangan dan keberadaan ikan asli daripada ancaman ikan asing ini adalah melalui pelepasan benih ikan tempatan ke perairan di seluruh negara.

Bagi menjayakan inisiatif ini, katanya, DOF memperuntukkan RM500,000 setahun, dengan pelepasan mengambil kira pelbagai

"Jika tak mampu pelihara lagi ikan asing ini, berhubung terus dengan Jabatan Perikanan, buat serahan dan kita akan kendalikannya. Pada masa sama, DOF juga tidak berkompromi dengan nilai ekonomi ikan asing ini"



Adnan Hussain,  
Ketua Pengarah Perikanan



Ikan baung ekor merah yang berjaya ditangkap.

faktor termasuk kawasan merekodkan jumlah nelayan darat yang tinggi dan lokaliti.

Ditanya mengenai peraturan untuk melarang orang awam daripada melepaskan ikan asing ke perairan umum, beliau berkata, setakat ini belum ada peraturan seumpamanya dikuatkuasakan kerana ia turut bergantung kepada keputusan kerajaan negeri.

"Peraturan seperti ini perlu datang daripada kerajaan negeri, bukan Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, pada masa ini belum ada perbincangan rasmi (membabitkan DOF dan kerajaan negeri).

"Ketika ini yang ada adalah peraturan perikanan darat untuk nelayan sungai. Banyak negeri sudah melaksanakan peraturan ini antaranya Pahang, Perak dan Terengganu. Peraturan ini baik, maknanya nelayan perlu ada lesen daripada Jabatan Perairan, perkakasan mereka guna juga perlu dilesenkan supaya pementauan boleh dilakukan," katanya.

Mengenai peraturan khusus sektor akuakultur, Adnan berkata, ia juga tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri.

Beliau berkata, ketika ini hanya Melaka, Kelantan dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai peraturan bagi mengawal aktiviti akuakultur di negeri masing-masing.

"Kita masih lagi dalam usaha untuk membolehkan peraturan dapat diwujudkan (di negeri lain)

bagi mengawal aktiviti akuakultur kerana ia tidak tertakluk di bawah Akta Perikanan, sebaliknya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri," katanya.

Beliau turut menasihati orang awam supaya tidak mengambil mudah pencerobohan ikan asing ke perairan umum atas apa sahaja alasan termasuk berkaitan keagamaan, sosial dan masalah untuk memeliharanya.

"Jika tak mampu pelihara lagi ikan asing ini, berhubung terus dengan Jabatan Perikanan, buat serahan dan kita akan kendalikannya.

"Pada masa sama, DOF juga tidak berkompromi dengan nilai ekonomi ikan asing ini. Misalnya, ikan baung ekor merah boleh dijual dengan harga sehingga RM40 sekilogram di pasaran, ia nampak memberi pulangan besar, tetapi jangan lupa dalam masa sama menyumbang kepada kerosakan ekosistem sungai negara," katanya.

Sebelum ini, bekas Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris, pernah mendedahkan spesies ikan baung ekor merah yang membiak secara berleluasa di sepanjang Sungai Pahang menjejaskan pendapatan 1,106 nelayan sungai sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, kehadiran baung ekor merah juga mengurangkan sumber ikan tempatan bermutu tinggi seperti seperti ikan kelah, temoleh, jelawat, lampan, tenggalan, kerai, terbul, sebarau, baung serta udang galah.